

Headline **Enam individu maju Dungun dirai**
Date **26. Jan 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **16**
Section **Nasional** Article Size **296** cm2
Circulation **217991** Frequency **Daily**
Readership **762968** Color **Full Color**



SUMBANGAN DIHARGAI: Yusof (lima dari kanan) dan Rosli (enam dari kanan) bergambar bersama penerima anugerah pada majlis Malam Anak Dungun di Perantauan ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra, di Kuala Lumpur, malam tadi.

Enam individu maju Dungun dirai

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Enam individu yang memberi sumbangan memaju dan membangunkan Dungun, Terengganu malam tadi menerima Anugerah Khas Zamalah Dungun Membangun.

Mereka adalah Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Manja Ismail; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican; Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Zainul Ariff Hussain; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Seri Ibrahim Abu Shah; Ahli Majlis Mara yang juga bekas Ketua Pengarah Mara, Datuk Zamani Md Noor dan Ketua Pegawai Eksekutif TV9, Bukhari Che Muda.

Anugerah berkenaan disampaikan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada majlis Malam Anak Dungun di Perantauan ketiga, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di

sini.

Hadir sama, wakil Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Idris Jusoh iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari dan Kebajikan Negeri, Datuk Rosol Wahid dan Ahli Parlimen Dungun, Datuk Rosli Mat Hassan.

Mohd Yusof turut menyampaikan Anugerah Warga Dungun Cemerlang kepada 11 penerima, serta tiga penerima Anugerah Anak Dungun Cemerlang Di Perantauan.

Dalam ucapannya, Rosli berkata, anak kelahiran Dungun dan Terengganu yang berjaya di perantauan perlu bersama-sama membantu membangunkan lagi negeri itu untuk agar kemajuan yang dinikmati akan lebih pesat.

Katanya, mereka perlu menggembleng tenaga bersama kerajaan negeri agar dapat mengecapi pembangunan secara bersama.

"Kita amat berterima kasih kepada semua yang memberi sumbangan membantu memajukan Dungun dan Terengganu," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mohd Yusof turut melancarkan lagu *Dungun Membangun*.